

Soalan Lazim Program Penangguhan Pembiayaan ASB-i
(Versi 15 Apr 2020)

No	Soalan	Jawapan
1.	Adakah Pembiayaan ASB-i termasuk dalam moratorium automatik?	<p>Moratorium merangkumi Pembiayaan ASB-i, yang disalurkan sebelum 1 April 2020.</p> <p>Pembiayaan mesti memenuhi kriteria tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020.</p>
2.	Bagaimana penangguhan akaun Pembiayaan ASB-i saya dilaksanakan?	Dengan mengubah tarikh pembayaran seterusnya kepada 1 Oktober 2020.
3.	Saya tidak mahu mengambil bahagian dalam moratorium. Bagaimanakah saya boleh mengecualikan diri daripada penangguhan automatik?	<p>Dengan mengubah tarikh pembayaran seterusnya kepada 1 Oktober 2020. Anda boleh memilih untuk terus melakukan pembayaran seperti biasa, atau apa-apa amaun yang anda mampu dalam tempoh tersebut. Tiada caj pampasan kerana bayaran lewat.</p> <p>Anda tidak perlu memohon pengecualian daripada Bank. Anda cuma perlu terus membuat pembayaran apa-apa amaun yang mampu dalam tempoh tersebut.</p> <p>Sila rujuk Item 4 berkenaan arahan tetap.</p>
4.	<p>Apakah yang perlu saya lakukan tentang arahan tetap (SI) untuk pembayaran akaun?</p> <p>Saya hanya boleh mengubah SI selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Apakah yang akan terjadi kepada pembayaran yang dibuat selepas 1 April 2020, tetapi sebelum perubahan SI?</p>	<p>1. SI yang anda telah berikan arahan untuk diaturkan oleh Bank: SI bagi pembayaran dari Akaun Semasa Hong Leong/ Akaun Semasa Hong Leong -i atau Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan -i akan dihentikan untuk sementara waktu.</p> <p>2. SI yang diaturkan oleh pelanggan melalui Perbankan Dalam Talian Connect: Anda perlu mengubah SI di Perbankan Dalam Talian Connect jika ingin menangguhkan pembiayaan ansuran. Sila ingat untuk mengatur semula SI yang baharu untuk tujuan pembayaran sebelum moratorium 6 bulan berakhir, supaya bayaran anda dikemas kini selepas tempoh moratorium tamat.</p> <p>3. SI dari akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i bank-bank lain: Sila aturkan SI dengan bank masing-masing.</p> <p>Jika anda ingin membuat pembayaran semasa tempoh moratorium, anda boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi arahan kepada Bank untuk mengaktifkan semula SI (rujuk item 1 di atas) • Berbuat demikian melalui pemindahan dalam talian; • Gunakan terminal layan diri; atau • Aturkan arahan tetap lain melalui Perbankan Dalam Talian Connect (Connect Online Banking) hanya untuk tempoh moratorium ini. <p>Nota: Melainkan anda mengambil tindakan pada item 2 atau 3 di atas (yang mana berkenaan), sebarang bayaran yang kami terima akan digunakan untuk memenuhi pembayaran bulanan.</p> <p>Jika anda mempunyai pembiayaan yang ditolak secara automatik dari gaji anda, dan anda ingin mengambil bahagian dalam moratorium, anda perlu memaklumkan majikan anda untuk menghentikan potongan gaji.</p>

No	Soalan	Jawapan
5.	Adakah itu bermakna Bank tidak akan mengenakan keuntungan semasa tempoh moratorium?	Keuntungan akan terus terakru ke atas pembiayaan yang ditangguhkan. Ini bermakna keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Keuntungan tersebut tidak akan dikompaun selaras dengan prinsip Syariah.
6.	Jika saya menangguhkan, adakah ini bermakna ansuran atau pembayaran saya akan menjadi lebih tinggi selepas moratorium?	Ya, amaun pembayaran berikutnya yang lebih tinggi diperlukan untuk membayar prinsipal yang ditangguhkan dan keuntungan yang terakru semasa moratorium. Jika anda ingin mengekalkan ansuran bulanan, sila hubungi kami. Kami akan memaklumkan anda tentang sebarang perubahan kepada amaun ansuran bulanan sebelum tempoh moratorium berakhir. Ini akan turut mengambil kira sebarang perubahan Kadar Asas Islamik pada tempoh tersebut. Sekiranya anda rasa anda akan menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran pada amaun yang diubah, anda perlu menghubungi Consumer Collection Centre kami untuk perbincangan secepat mungkin, sebelum moratorium berakhir, di: Tel: +603-79591888 Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my
7.	Saya mempunyai akaun pembiayaan bersama. Adakah moratorium ini terpakai kepada semua pelanggan secara automatik?	Ya.
8.	Saya mempunyai akaun pembiayaan bersama. Saya ingin meneruskan pembayaran pembiayaan. Adakah semua pelanggan bersama perlu memaklumkan Bank?	Tidak, anda tidak perlu memberitahu Bank atau mengemukakan sebarang permohonan. Anda hanya perlu terus membuat pembayaran seperti biasa, atau apa-apa amaun yang anda mampu dalam tempoh berkenaan. Rujuk kepada item 4 di atas untuk maklumat tentang pilihan pembayaran.
9	Saya memilih untuk tidak menyertai dan telah membuat pembayaran dalam tempoh moratorium. Bagaimanakah ia akan ditunjukkan dalam akaun pembiayaan saya?	Sebarang bayaran yang diterima akan digunakan untuk pembayaran bulanan. Pembayaran itu akan dipantulkan terlebih dahulu sebagai Bayaran Pendahuluan (Advance Payment) dalam akaun anda. Pada akhir tempoh moratorium, iaitu pada akhir September 2020, Bank akan membuat pelarasan. Kami akan mengurangkan Bayaran Pendahuluan dengan jumlah yang sama dengan pambayaran yang dibuat dalam tempoh tersebut dan menggunakan jumlah yang dibayar itu untuk mengimbangi x'keuntungan bulanan dan bayaran prinsipal. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi di bawah untuk memahami bagaimana cara ini berfungsi: Amaun Pembiayaan 1 April 2020 100,000

No	Soalan	Jawapan																																														
		<table border="1"> <tr> <td>Baki Tempoh Pembiayaan</td> <td>35</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif</td> <td>4.0%</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td>443</td> </tr> </table> <p>Cara in berfungsi: Semasa tempoh moratorium, anda membuat 6 bayaran ansuran bulanan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Pendahuluan akan berambah sebanyak RM2,658 (RM443x 6 bulan) • Pada akhir tempoh moratorium, kami akan mengurangkan Bayaran Pendahuluan anda sebanyak RM2,658 • Jumlah tersebut kemudiannya membayar prinsipal dan keuntungan bulanan mengikut jadual biasa di bawah • Pada akhir September, jumlah prinsipal anda dikurangkan secara berperingkat <p>Tidak Menyertai (Tiada Penangguhan) Bayar Setiap Bulan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Baki Akaun Prinsipal Belum Dijelaskan</th> <th>Pembayaran Prinsipal</th> <th>Pembayaran Keuntungan</th> <th>Baki Terakru</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td>100,000</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>April</td> <td>99,897</td> <td>103.24</td> <td>339.76</td> <td>99,557</td> </tr> <tr> <td>Mei</td> <td>99,781</td> <td>115.70</td> <td>327.30</td> <td>99,011</td> </tr> <tr> <td>Jun</td> <td>99,674</td> <td>106.65</td> <td>336.35</td> <td>98,452</td> </tr> <tr> <td>Julai</td> <td>99,555</td> <td>119.30</td> <td>323.70</td> <td>97,902</td> </tr> <tr> <td>Ogos</td> <td>99,445</td> <td>110.37</td> <td>332.63</td> <td>97,340</td> </tr> <tr> <td>September</td> <td>99,333</td> <td>112.23</td> <td>330.77</td> <td>96,787</td> </tr> </tbody> </table>	Baki Tempoh Pembiayaan	35	Kadar Keuntungan Efektif	4.0%	Ansuran Bulanan	443	Bulan	Baki Akaun Prinsipal Belum Dijelaskan	Pembayaran Prinsipal	Pembayaran Keuntungan	Baki Terakru		100,000				April	99,897	103.24	339.76	99,557	Mei	99,781	115.70	327.30	99,011	Jun	99,674	106.65	336.35	98,452	Julai	99,555	119.30	323.70	97,902	Ogos	99,445	110.37	332.63	97,340	September	99,333	112.23	330.77	96,787
Baki Tempoh Pembiayaan	35																																															
Kadar Keuntungan Efektif	4.0%																																															
Ansuran Bulanan	443																																															
Bulan	Baki Akaun Prinsipal Belum Dijelaskan	Pembayaran Prinsipal	Pembayaran Keuntungan	Baki Terakru																																												
	100,000																																															
April	99,897	103.24	339.76	99,557																																												
Mei	99,781	115.70	327.30	99,011																																												
Jun	99,674	106.65	336.35	98,452																																												
Julai	99,555	119.30	323.70	97,902																																												
Ogos	99,445	110.37	332.63	97,340																																												
September	99,333	112.23	330.77	96,787																																												
10.	<p>Saya mempunyai Bayaran Pendahuluan (Advance Payment) dalam akaun pembiayaan saya, tetapi ingin mengambil bahagian dalam penangguhan automatik.</p> <p>Adakah Bank akan memotong bayaran daripada Bayaran Pendahuluan? Perlukah saya mengeluarkan Bayaran Pendahuluan untuk mengelakkan sebarang potongan automatik?</p>	<p>Tidak, kami tidak akan memotong bayaran daripada jumlah bayaran pendahuluan. Anda tidak perlu berbuat apa-apa, ini adalah proses yang akan kami ikuti sepanjang tempoh 6 bulan moratorium.</p>																																														
11.	<p>Saya mempunyai lebih daripada 1 akaun Pembiayaan ASB-i dengan Bank.</p>	<p>Ya, anda boleh memilih untuk membuat pembayaran ke mana-mana akaun Pembiayaan ASB-i anda.</p>																																														

No	Soalan	Jawapan
	Bolehkah saya memilih untuk tidak menyertai moratorium untuk sesetengah akaun dan bukan semua akaun Pembiayaan ASB-i?	
12.	Adakah moratorium merangkumi pembiayaan baru yang diluluskan dalam tempoh 6 bulan yang ditetapkan?	Tidak. Moratorium hanya melibatkan pembiayaan yang diluluskan/dialurkan sebelum 1 April 2020.
13.	Adakah yuran dan caj dikenakan dalam tempoh moratorium?	Ya, yuran dan caj lain (kecuali bayaran/caj pampasan) akan terus dikenakan seperti biasa.
14.	Bolehkah saya memohon penangguhan untuk tempoh lebih daripada 6 bulan?	Tidak, penangguhan automatik hanya untuk 6 bulan. Jika anda memerlukan bantuan tambahan selepas tempoh tersebut, anda boleh menghubungi Consumer Collection Centre dan memohon penstrukturan semula pembayaran, yang akan dipertimbangkan mengikut kes yang berbeza.
15	Adakah saya perlu bayar Takaful Bertempoh ASB Berkurang (ARTT) semasa tempoh moratorium ini?	Jika ARTT dibiayai ke dalam pembiayaan anda, moratorium terpakai ke atas pembayaran. Sekiranya anda mempunyai ARTT yang dibiayai sendiri dalam tempoh ini, anda perlu memastikan bahawa anda memenuhi kewajipan termasuk pembayaran sumbangan.
16	Adakah jangka liputan Takaful Bertempoh ASB Berkurang (ARTT) akan dilanjutkan sejajar dengan sebarang pelanjutan tempoh pembiayaan (jika berkenaan)?	Liputan perlindungan ARTT akan diteruskan dalam tempoh moratorium. Kos ARTT tambahan akan dikenakan sekiranya anda ingin melanjutkan liputan perlindungan selaras dengan sebarang pelanjutan tempoh pembiayaan (jika berkenaan). Sila hubungi kami jika anda ingin berbuat demikian.
17.	Adakah terdapat sebarang impak negatif atau rekod yang terjejas khususnya pada sejarah kredit (CCRIS) saya, apabila mengambil bahagian dalam program penangguhan pembayaran atau Penstrukturan/Penjadualan Semula (R&R) pembayaran?	Tiada kesan negatif pada rekod kewangan CCRIS jika pembayaran akaun tidak tertunggak pada saat memohon penangguhan. Jika akaun tertunggak selama 1 bulan ke atas pada tarikh mula program penangguhan, rekod ini akan kekal tanpa berubah di CCRIS sepanjang tempoh penangguhan.
18.	Bolehkah saya melangsaikan atau menebus Pembiayaan ASB-i ketika moratorium?	Ya, sila hubungi kami jika anda ingin berbuat demikian.
19.	Jika pembiayaan saya termasuk dalam pakej penangguhan, adakah saya masih layak memohon	Ya. Anda masih layak memohon sebarang pembiayaan baharu dalam tempoh moratorium, tertakluk kepada kemampuan membayar menurut penilaian Bank.

No	Soalan	Jawapan
	pembiayaan yang baharu daripada Bank dalam tempoh moratorium?	
20.	Akaun pembayaran saya kini tertunggak selama 10 bulan atau ASB saya telah dcairkan dan saya masih mempunyai baki belum membayar, bolehkah saya mengambil bahagian dalam pakej penangguhan pembayaran ini?	Maaf, anda tidak memenuhi syarat untuk pakej penangguhan automatik ini. Tetapi, jika anda ingin membincangkan sebarang pelan pembayaran yang lain, anda boleh menghubungi/emel Consumer Collection Centre seperti yang diterangkan di item 6 di atas.
21.	Jika pembiayaan saya telah mengikuti pakej penangguhan, adakah saya akan menerima Notis/Surat Peguam dari Bank dalam tempoh 6 bulan tersebut?	Tiada apa-apa notis/surat peguam yang akan dikeluarkan dalam tempoh ini.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan, kami menasihatkan anda untuk menghubungi kami bagi membincangkan mana-mana perkara berkenaan melalui maklumat menghubungi yang disediakan di bawah:

- 1. Untuk pertanyaan am berhubung Program Penangguhan/Moratorium Pembiayaan HLISB:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, hingga April 14, 2020)
Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my
- 2. Untuk pertanyaan berhubung Bank Negara Malaysia Special Relief Fund for SME Affected by Covid-19:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, hingga April 14, 2020)
Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my
- 3. Untuk permintaan mengurangkan jumlah anuran bulanan selepas Tempoh Moratorium:**
HLB Customer Collections: 603-7959 1888 (8.45am – 5.45pm, Isnin-Jumaat)
Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my
- 4. Untuk permintaan mengekalkan pembayaran dalam Tempoh Moratorium:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, hingga 14 April, 2020)
Emel: HLonline@hlbb.hongleong.com.my

Terima kasih atas kesabaran dan kerjasama anda.

###